



KHAZANAH
NASIONAL

SIARAN MEDIA
Kuala Lumpur, 22 Mei 2020

Khazanah raih RM735.7 juta hasil penempatan saham Telekom Malaysia

Urus niaga sebahagian daripada pelan penyusunan semula berterusan Khazanah, hasil digunakan untuk pelaburan baharu

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) mengumumkan kejayaannya menempatkan 172.3 juta saham Telekom Malaysia Berhad (“TM”) pada harga RM4.27 sesaham, sekali gus meraih hasil berjumlah RM735.7 juta daripada urus niaga tersebut. Harga penempatan mewakili diskaun 3.61% pada harga penutup pasaran bagi saham TM yang bernilai RM4.43 pada 21 Mei 2020.

Penempatan saham ini merupakan sebahagian daripada usaha penyusunan semula keseluruhan portfolio Khazanah, yang mana hasil daripadanya akan digunakan untuk pelaburan baharu pada masa hadapan serta usaha pemelbaagaian peruntukan aset Khazanah. Dengan permintaan kukuh pasaran bagi saham “blue-chip” tempatan, penempatan saham ini membolehkan Khazanah meningkatkan apungan bebas dan daya tarikan saham TM sebagai pelaburan.

Dana domestik berjangka panjang, pelabur institusi asing serta pelabur institusi sedia ada telah mengambil bahagian dalam penempatan saham ini. Pelabur institusi domestik mewakili sebahagian besar pembeli utama. Penempatan saham ini adalah penempatan berkaitan sektor telekomunikasi terbesar di Malaysia dan ketiga terbesar di ASEAN pada tahun ini.

CIMB dan Credit Suisse adalah pengatur bersama penempatan saham ini.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000 atau emel raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk membangunkan kekayaan jangka panjang negara melalui objektif komersial dan strategik. Objektif komersial Khazanah adalah untuk mengembangkan aset kewangan dan mempelbaagaikan sumber pendapatan bagi negara, sementara objektif strategiknya pula adalah untuk memegang aset strategik yang membawa manfaat ekonomi jangka panjang. Khazanah dipandu oleh falsafah pelaburannya yang menekankan kepada pencapaian pulangan kewangan yang disesuaikan dengan risiko, menjana pulangan lestari dan mengintegrasikan pertimbangan pelaburan



KHAZANAH
NASIONAL

yang beretika dan bertanggungjawab. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.